

16/12/2000

Tuntutan Suqiu terlalu awal: Dr Ling (HL)

Ahmad Naim Tahir

KLUANG, Jumaat - Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) sepatutnya membangkitkan soal hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera, 30 atau 40 tahun lagi, selepas kedudukan ekonomi orang Melayu sudah kukuh.

Sambil menegaskan Suqiu memilih masa kurang sesuai menimbulkan isu itu sekarang, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ia sepatutnya dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan pada masa depan.

"Isu ini sepatutnya dikemukakan untuk pertimbangan selepas kedudukan ekonomi orang Melayu sudah kukuh dan ketika itu, mereka mungkin tidak lagi perlu bergantung kepada bantuan kerajaan.

"Siapa tahu 30 atau 40 tahun lagi, orang Melayu sudah berjaya dalam ekonomi dan ketika itulah masanya sesuai untuk membuat tuntutan seperti ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Politik Wanita MCA Johor, di sini hari ini.

Memorandum 17 tajuk mengandungi 83 tuntutan yang dikemukakan oleh Suqiu pada 16 Ogos 1999 itu menjadi kontroversi dan disifatkan mencabar kontrak sosial apabila hak keistimewaan Melayu disentuh.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat, jika semua tuntutan Suqiu dipenuhi, kerajaan terpaksa mengetepikan Perlembagaan dan membelakangkan kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan negara ini.

Isu ini ditimbulkan semula ketika kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas di Kedah baru-baru ini bersama isu pembentukan Sekolah Wawasan, yang juga dibantah oleh ekstrimis Cina.

Dr Ling menjelaskan, apabila Suqiu memberi jaminan isu berhubung hak keistimewaan Melayu adalah wawasan jangka panjang, kerajaan mengarahkan jawatankuasa itu membincangkannya dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen).

"Kita juga mengingatkan mereka (Suqiu) bahawa perbincangan seperti itu perlu diadakan secara tertutup kerana ia sensitif, tetapi tiba-tiba ia menjadi isu yang diketahui umum.

"Kita memberi maklum balas baik terhadap 98 peratus daripada tuntutan itu kerana ia berasas untuk membangunkan keadaan politik dan sosial negara, tetapi baki tuntutan itu yang menjadi masalah dan merisaukan rakyat," katanya.

Terdahulu, Dr Ling berkata ramai ahli MCA menyuarakan kebimbangan kerana parti itu kini menghadapi pelbagai isu seperti Sekolah Wawasan yang membimbangkan masyarakat Cina.

"Saya menjelaskan sekarang adalah masa terbaik untuk menghadapi semua isu kerana kita mempunyai masa untuk menyiasatnya secara terperinci, berbanding jika ia timbul sebelum pemilihan parti atau pilihan raya umum.

"Sebenarnya, tiada apa perlu ditakutkan kerana kita bekerja dengan ikhlas dan tidak menerima rasuah atau menyalahgunakan wang yang tidak sepatutnya," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, MCA akan membantu kerajaan menjayakan Rancangan Integrasi Murid-murid di 1,286 sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SRJKC) seluruh negara yang menolak konsep Sekolah Wawasan.

"Menerusi program ini, SRJKC akan menjemput murid, ibu bapa serta guru dari sekolah beraliran lain setiap kali ada majlis yang dianjurkan di sekolah berkenaan," katanya.

(END)